BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM

S1

Suku Pertama 2026

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh BNM berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh BNM dalam memenuhi mandatnya.

Kandungan

03 Sorotan Penting

04 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

05 Perkembangan Ekonomi Malaysia

10 Perkembangan Monetari dan Kewangan

13 Pertimbangan Dasar

15 Tinjauan Makroekonomi

20 Rencana: Menangani Gangguan Besar dalam Landskap Komoditi Global: Kesan Konflik Timur Tengah Terhadap Makroekonomi Malaysia

32 Tambahan

Sorotan Penting bagi S1 2026

KDNK mencatatkan pertumbuhan berdaya tahan sebanyak 5.4% (S4 2025: 6.2%)

Apakah faktor-faktor yang menyokong pertumbuhan?

Perbelanjaan isi rumah yang berterusan
Penggunaan Swasta: 4.7% (S4 2025: 5.6%)

Aktiviti pelaburan yang stabil
Pembentukan Modal Tetap Kasar: 7.3% (S4 2025: 9.3%)

Pertumbuhan eksport yang mampan, didorong oleh E&E, perjalanan dan ICT
Eksport Barangan dan Perkhidmatan: 5.2% (S4 2025: 6.3%)

Keadaan pasaran pekerja kekal menggalakkan

Kadar pengangguran
2.9%
(S4 2025: 3%)

Gaji Nominal Sektor Swasta
4.1%
(S4 2025: 4.1%)

Inflasi keseluruhan meningkat kepada 1.6% (S4 2025: 1.3%)

Apakah faktor-faktor utama yang mempengaruhi inflasi?

Caj elektrik yang lebih tinggi memperlahankan penurunan inflasi elektrik
Inflasi elektrik: -6%
S4 2025: -10.3%)

Peningkatan harga bahan api pada bulan Mac memperlahankan penurunan inflasi bahan api
Inflasi bahan api: -1.5%
(S4 2025: -1.9%)

Inflasi teras yang lebih rendah didorong oleh makanan di luar rumah dan sewaan
Inflasi teras: 2.1%
(S4 2025: 2.3%)

Ringgit menambah nilai berbanding mata wang kebanyakan rakan dagangan pada suku pertama

NEER* Ringgit
1.4%
(S4 2025: 3.8%;
YTD: 2.9%)

MYR/USD
0.5%
(S4 2025: 3.9%;
YTD: 3.3%)

Indeks Dolar AS
1.7%
(S4 2025: 0.6%;
YTD: 0.2%)

*NEER: Kadar Pertukaran Efektif Nominal (Nominal Effective Exchange Rate)
Nota: Sejak awal tahun hingga 13 Mei 2026 (Year-to-date, YTD).

Prestasi Ekonomi Global

Pertumbuhan global berterusan pada S1 2026

KDNK ekonomi terpilih,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Pihak berkuasa negara

Perdagangan serantau kekal disokong oleh permintaan teknologi

Eksport ekonomi terpilih,
Perubahan tahunan, % (dalam dolar AS)



Sumber: Pihak berkuasa negara

Sorotan

- **Pertumbuhan global kekal berdaya tahan pada S1 2026,** disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang mampan serta pengembangan teknologi global yang berterusan. Ekonomi AS terus berkembang berikutan pelaburan dan perbelanjaan kerajaan yang lebih tinggi. Di China, pertumbuhan berteraskan eksport yang terus kukuh, bersama-sama dengan aktiviti dalam negeri yang semakin bertambah baik.

- **Perdagangan serantau secara amnya kekal mampan**. Beberapa ekonomi yang mendapat manfaat daripada permintaan kukuh terhadap produk teknologi, khususnya komponen berkaitan AI, mencatatkan pertumbuhan eksport yang lebih tinggi. Sementara itu, perdagangan ekonomi lain lebih perlahan disebabkan oleh kesan berlarutan daripada tarif serta gangguan rantaian bekalan berhubung dengan konflik di Timur Tengah yang semakin genting.

- **Inflasi keseluruhan meningkat sedikit,** didorong oleh kenaikan harga tenaga berikutan gangguan dalam rantaian bekalan komoditi global.

- **Purata harga minyak mentah Brent lebih tinggi pada S1 2026** iaitu pada USD80 setong (S4 2025: USD63 setong) susulan ketegangan geopolitik dan konflik ketenteraan di Timur Tengah yang semakin meningkat. Konflik tersebut telah menyebabkan penutupan Selat Hormuz, iaitu laluan penting yang mengendalikan lebih 20% aliran minyak global. Pemberhentian pengeluaran serta kerosakan pada infrastruktur tenaga akibat konflik ini menyebabkan gangguan bekalan yang belum pernah berlaku sebelum ini dan meningkatkan volatiliti dalam pasaran tenaga global.

Keluaran Dalam Negeri Kasar

Pertumbuhan KDNK kekal berdaya tahan sebanyak 5.4% pada S1 2026

Keluaran dalam negeri kasar,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kegiatan ekonomi secara keseluruhan tidak berubah pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim

Keluaran dalam negeri kasar,
Perubahan suku tahunan, % (terlaras secara bermusim)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Apakah faktor-faktor yang menyokong pertumbuhan pada S1 2026?

Pertumbuhan perbelanjaan isi rumah yang berterusan disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang kukuh serta sokongan dasar yang berterusan.

Pelaburan swasta yang berdaya tahan disokong oleh perbelanjaan yang kukuh bagi struktur, jentera dan kelengkapan, khususnya bagi pusat data

Pertumbuhan eksport kekal kukuh, didorong oleh permintaan yang tinggi terhadap produk elektrik dan elektronik (E&E) serta perkhidmatan berkaitan perjalanan dan teknologi maklumat dan komunikasi (*information and communication technology*, ICT)

Prestasi Ekonomi Malaysia

Permintaan dalam negeri terus berkembang, didorong oleh aktiviti sektor swasta

Perubahan tahunan, %

Penggunaan Swasta

4.7%
(S4 2025: 5.6%)

Keadaan pasaran pekerja yang positif serta sokongan dasar yang berterusan

Pelaburan Swasta

7.8%
(S4 2025: 9.2%)

Perbelanjaan bagi jentera dan kelengkapan serta pelaburan struktur yang berterusan

Penggunaan Awam

4.1%
(S4 2025: 6.6%)

Perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan yang lebih perlahan

Pelaburan Awam

5.3%
(S4 2025: 9.5%)

Perbelanjaan aset tetap Kerajaan yang lebih perlahan serta sokongan yang lebih rendah daripada projek infrastruktur besar yang hampir siap

Eksport Bersih

13.5%
(S4 2025: -32.9%)

Pertumbuhan eksport yang stabil dalam keadaan pertumbuhan import yang lebih sederhana

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan disokong oleh sektor perkhidmatan dan perkilangan

Perubahan tahunan, %

Perkhidmatan

5.6%
(S4 2025: 6.2%)

Pertumbuhan perkhidmatan berkaitan perniagaan dan Kerajaan yang berdaya tahan

Perkilangan

5.9%
(S4 2025: 6%)

Pertumbuhan mampan yang didorong oleh pengeluaran E&E yang kukuh susulan permintaan yang berterusan bagi komponen berkaitan AI

Pertanian

2.6%
(S4 2025: 5.7%)

Pertumbuhan lebih rendah kerana pengeluaran kelapa sawit kembali normal susulan kadar hasil yang tinggi pada S4 2025

Perlombongan

-2.1%
(S4 2025: 1.4%)

Pengeluaran minyak dan gas yang lebih lemah

Pembinaan

7.7%
(S4 2025: 10.9%)

Disokong oleh aktiviti pertukangan khas dan aktiviti pembinaan bukan kediaman

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Keadaan Pasaran Pekerja

Pasaran pekerja kekal positif

- Kadar pengangguran menurun kepada 2.9% pada S1 2026 (S4 2025: 3% daripada tenaga kerja).
- Guna tenaga meningkat kepada 16.73 juta orang pada S1 2026 (S4 2025: 16.68 juta orang) berikutan permintaan terhadap pekerja yang berterusan.
- Bekalan pekerja tetap menggalakkan apabila kadar penyertaan tenaga kerja kekal tidak berubah pada 70.9% pada S1 2026 (S4 2025: 70.9%).

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar pengangguran rendah

Kadar pengangguran, % daripada tenaga kerja



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan berterusan dalam upah sektor swasta

Gaji nominal dan gaji benar sektor swasta,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Gaji nominal mengikut sektor,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Trend Inflasi

Inflasi keseluruhan meningkat, manakala inflasi teras menurun pada suku pertama

- Inflasi keseluruhan meningkat kepada 1.6%, mencerminkan kesan awal pindahan tekanan kos global yang lebih tinggi, sebahagiannya disebabkan oleh konflik di Timur Tengah. Peningkatan caj elektrik dan harga bahan api[1] pada suku pertama memperlahankan penurunan inflasi elektrik dan bahan api.
- Tekanan menaik ini sebahagiannya diimbangi oleh inflasi teras yang lebih rendah, yang menurun kepada 2.1%, mencerminkan inflasi yang lebih perlahan bagi makanan di luar rumah dan sewaan.

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras,
Perubahan tahunan, %



[1] Pada bulan Mac, harga pasaran purata bagi RON95, RON97 dan diesel masing-masing meningkat kepada RM2.54 seliter, RM3.10 seliter dan RM2.98 seliter. Walau bagaimanapun, kebanyakan pengguna RON95 di Malaysia terus membayar harga subsidi sebanyak RM1.99 seliter (hingga 300 liter) di bawah BUDI95, manakala pengguna diesel yang layak di Sabah dan Sarawak terus membayar harga subsidi sebanyak RM2.15 seliter.
Nota: Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir daripada inflasi keseluruhan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rebakan inflasi terus menurun pada suku pertama

- Bahagian item IHP yang mencatatkan kenaikan harga bulan ke bulan pada suku pertama adalah lebih kecil dan kekal di bawah purata yang pernah dicatatkan.
- Rebakan inflasi yang lebih rendah mencerminkan tekanan harga asas yang sederhana, selaras dengan inflasi teras yang lebih rendah.

Item IHP yang mencatatkan kenaikan harga bulan ke bulan,
Bahagian, %



Nota: Data mulai tahun 2024 mencerminkan tambahan item baharu dalam kumpulan IHP berdasarkan HIES 2022.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Perkembangan Sektor Luaran

Pertumbuhan eksport yang lebih tinggi berbanding import

Eksport Kasar **12.7%** S4 2025: 11%

Prestasi kukuh yang berterusan dalam eksport E&E, mengimbangi eksport petroleum mentah, gas asli cecair (*liquified natural gas,* LNG) dan pertanian yang lebih lemah.

Import Kasar **7.7%** S4 2025: 11.7%

Import barangan modal, perantaraan dan penggunaan yang lebih sederhana.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lebihan akaun semasa yang lebih tinggi dan aliran masuk ke dalam akaun kewangan

Akaun Semasa
RM15.2 bilion; 3% daripada KDNK
(S4 2025: RM2.7 bilion; 0.5%)

Lebihan yang lebih tinggi didorong oleh
- Lebihan barangan yang lebih tinggi berikutan import yang lebih sederhana.
- Lebihan perkhidmatan yang lebih tinggi berikutan pendapatan perjalanan dan ICT yang mampan serta pembayaran perkhidmatan yang lebih perlahan.
- Defisit pendapatan primer yang lebih kecil disebabkan keuntungan yang lebih rendah dicatatkan oleh syarikat pelaburan langsung asing *(foreign direct investment,* FDI).

Yang sebahagiannya diimbangi oleh
- Defisit pendapatan sekunder yang lebih besar berikutan kiriman wang keluar yang berterusan.

Akaun Kewangan
Aliran masuk bersih RM27.4 bilion
(S4 2025: Aliran masuk bersih RM9.4 bilion)

Aliran masuk bersih ke dalam
- Pelaburan portfolio, didorong terutamanya oleh pemerolehan sekuriti hutang dan ekuiti domestik oleh bukan pemastautin dan pelupusan sekuriti ekuiti di luar negara oleh pemastautin.
- Pelaburan langsung, disokong oleh FDI bersih yang berterusan.
- Pelaburan lain, disokong oleh penempatan deposit yang lebih tinggi serta bayaran balik pinjaman antara bank oleh bukan pemastautin.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri yang lebih tinggi

RM1.44 trilion atau 70.1% daripada KDNK
(S4 2025: RM1.40 trilion atau 68.9% daripada KDNK)
- Pinjaman antara syarikat berkaitan yang lebih tinggi oleh syarikat korporat.
- Peningkatan penempatan deposit oleh bukan pemastautin.

Hutang luar negeri kekal terurus
% daripada jumlah hutang luar negeri

Mata wang

Dalam denominasi ringgit: 32.6%
Tidak terjejas oleh turun naik kadar pertukaran ringgit.
Dalam denominasi mata wang asing: 67.4%
yang 52.8% daripadanya tertakluk pada keperluan kehematan dan pengawalseliaan BNM dan 20.2% disebabkan oleh pinjaman antara syarikat berkaitan.

Tempoh matang

Jangka sederhana dan panjang: 57.4%
Risiko pelanjutan terhad.

Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Bersih	**-RM67.8 bilion** (S4 2025: -RM26.1 bilion)
Rizab Antarabangsa[2]	**USD129.7 bilion** (S4 2025: USD125.5 bilion)

- **4.6 bulan**[3] import barangan dan perkhidmatan
- **0.9 kali** hutang luar negeri jangka pendek

[2] Pada 30 April 2026.
[3] Paras ini mungkin berbeza daripada paras yang dinyatakan dalam siaran akhbar mengenai rizab antarabangsa yang diterbitkan pada 8 Mei 2026, kerana data ini mencerminkan data terkini S1 2026 berhubung dengan import barangan dan perkhidmatan.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pasaran Kewangan dan Kadar Pertukaran

Ringgit menambah nilai berbanding mata wang kebanyakan rakan dagangan utama

Disokong oleh asas dalam negeri yang kukuh, ringgit menambah nilai meskipun ketegangan geopolitik yang semakin meruncing dan jangkaan penurunan kadar dasar oleh Federal Reserve AS yang berkurang.

Prestasi ringgit berbanding mata wang utama dan serantau terpilih
% sejak awal tahun sehingga kini dan suku tahun ke suku tahun



Nota: *Setakat 13 Mei 2026.
NEER merujuk kadar pertukaran efektif nominal ringgit yang mengukur prestasi ringgit berbanding sekumpulan mata wang rakan dagangan utama Malaysia.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkembangan pasaran kewangan domestik didorong oleh faktor global dan dalam negeri

Kadar hasil bon meningkat

selaras dengan pasaran bon di luar negara mencerminkan jangkaan inflasi global yang lebih ketara didorong oleh harga minyak yang lebih tinggi

Kadar hasil MGS 10 tahun +14 bps
(S4 2025: +4 mata asas)

Pasaran ekuiti meningkat sedikit

disokong oleh aliran masuk asing bersih ke dalam pasaran domestik

KLCI +0.6% suku tahun ke suku tahun
(S4 2025: +4.2%)

Faktor utama yang mempengaruhi pasaran global dan domestik

Jangkaan penurunan kadar dasar oleh Federal Reserve AS yang berkurang berikutan peningkatan harga minyak dan tekanan inflasi susulan konflik Timur Tengah yang semakin meruncing

Keadaan kewangan global yang lebih ketat berikutan ketidaktentuan geopolitik yang lebih ketara telah menyumbang kepada volatiliti pasaran yang lebih tinggi berikutan sentimen penghindaran risiko global

Asas dalam negeri yang kukuh, disokong oleh prospek ekonomi yang mantap dan usaha pembaharuan yang berterusan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Electronic Trading Platform (ETP) dan Bursa Malaysia

Kadar Faedah dan Mudah Tunai

Kadar antara bank meningkat pada suku pertama manakala kadar pinjaman secara amnya stabil

Kadar faedah,
Pada akhir tempoh, %



- **KLIBOR 3 bulan meningkat** sebanyak 9 mata asas pada suku itu, mencerminkan permintaan pendanaan yang lebih tinggi oleh bank-bank menjelang tempoh akhir suku tersebut.
- **Kadar deposit tetap (*fixed deposit,* FD) runcit menurun** antara 1 hingga 8 mata asas merentas tempoh, mencerminkan strategi pendanaan bank-bank untuk menguruskan kos dana.
- **Kadar pinjaman purata (*average lending rate*, ALR) bagi pinjaman terkumpul secara amnya stabil** pada suku itu.

Source: Bank Negara Malaysia and Bloomberg

Mudah tunai sistem perbankan terus menyokong pengantaraan kewangan

Mudah tunai ringgit terkumpul di BNM,
Pada akhir tempoh, RM bilion



- **Jumlah mudah tunai dalam sistem perbankan meningkat** pada suku itu berikutan suntikan mudah tunai yang lebih tinggi oleh BNM.
- Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk menyokong pengantaraan kewangan. Pada peringkat institusi, kebanyakan bank terus mengekalkan lebihan penempatan semalaman di BNM pada akhir bulan Mac 2026.

Source: Bank Negara Malaysia

Keadaan Kredit

Pertumbuhan kredit meningkat berikutan pertumbuhan yang lebih tinggi dalam pinjaman perniagaan terkumpul

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan,
Sumbangan kepada pertumbuhan, mata peratusan



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkembangan utama

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[4]

5.6%
S4 2025: 5.3%

- Pinjaman terkumpul[5] meningkat sebanyak 5.6% (S4 2025: 4.9%), disebabkan terutamanya oleh peningkatan pertumbuhan pinjaman perniagaan manakala pertumbuhan pinjaman isi rumah mampan.
- Pertumbuhan bon korporat terkumpul menurun kepada 5.8% (S4 2025: 6.9%) berikutan terbitan yang lebih rendah pada suku itu.

Pinjaman Perniagaan

5.8%
S4 2025: 3.9%

- Pinjaman perniagaan terkumpul mengembang sebanyak 5.8% (S4 2025: 3.9%) susulan pertumbuhan pinjaman yang lebih tinggi dalam kalangan bukan PKS merentas tujuan.
- Sementara itu, pertumbuhan pinjaman PKS secara amnya mampan.
- Permintaan untuk pembiayaan dalam kalangan perniagaan kekal stabil, khususnya untuk keperluan modal kerja.

Pinjaman Isi Rumah

5.4%
S4 2025: 5.5%

- Pinjaman isi rumah meningkat sebanyak 5.4% (S4 2025: 5.5%) berikutan pertumbuhan pinjaman stabil merentas kebanyakan tujuan.
- Permintaan untuk pinjaman isi rumah pada amnya kekal stabil dan terus dipenuhi melalui kelulusan pembiayaan yang berterusan.

[4] Semua angka yang disebut adalah dalam bentuk perubahan tahunan. .
[5] Merujuk pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertimbangan Dasar

Sorotan Mesyuarat MPC bulan Mei 2026

- Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 2.75% dalam mesyuarat MPC bulan Mac 2026 dan Mei 2026.
- Mengambil kira ketidakpastian yang berterusan, MPC akan terus memantau perkembangan semasa dan menilai imbangan risiko berhubung dengan prospek pertumbuhan dan inflasi dalam negeri.

Dasar monetari adalah wajar dan konsisten dengan prospek kestabilan harga yang beterusan dan pertumbuhan ekonomi yang mampan

Pada mesyuarat bulan Mac 2026 dan Mei 2026, MPC mengekalkan OPR pada 2.75%.

Setakat mesyuarat bulan Mei 2026, pertumbuhan global kekal berdaya tahan pada suku pertama tahun 2026, disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang mampan dan teknologi global yang terus berkembang. Peningkatan harga tenaga dan komoditi yang mendadak serta gangguan rantaian bekalan daripada konflik Timur Tengah mula mempengaruhi momentum pertumbuhan global. Risiko pertumbuhan menjadi perlahan terus tinggi, berpunca daripada ketidakpastian berhubung dengan tempoh dan keseriusan konflik, keadaan kewangan global yang lebih ketat dan kebimbangan tentang penilaian dalam pasaran kewangan. Potensi pertumbuhan menjadi pesat termasuk konflik yang mereda lantas menyebabkan keadaan rantaian bekalan bertambah baik, perbelanjaan teknologi yang lebih kukuh dan langkah-langkah dasar yang menyokong pertumbuhan di negara-negara maju.

Bagi Malaysia, penunjuk terkini menunjukkan momentum pertumbuhan yang berterusan pada suku pertama, didorong oleh permintaan dalam negeri yang mampan dan pertumbuhan eksport yang kukuh. Pada masa hadapan, ketidakpastian berhubung dengan tempoh dan keseriusan konflik Timur Tengah akan mempengaruhi prospek pertumbuhan dan inflasi dalam negeri. Walau bagaimanapun, asas-asas Malaysia yang kukuh akan terus menyokong daya tahan ekonomi negara. Guna tenaga, pertumbuhan upah serta langkah-langkah dasar akan kekal menyokong perbelanjaan isi rumah. Aktiviti pelaburan akan didorong oleh kemajuan projek berbilang tahun yang dilaksanakan dalam sektor swasta dan awam, pelaksanaan projek awam baharu berskala kecil, lebih banyak pelaksanaan berterusan pelaburan yang telah diluluskan, serta pelan induk nasional yang terus dilaksanakan. Sektor luaran akan mendapat manfaat daripada eksport elektrik dan elektronik (E&E) yang terus kukuh manakala perbelanjaan pelancong akan berterusan meskipun pada kadar yang lebih sederhana. Prospek pertumbuhan ini kekal tertakluk pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan berikutan konflik yang berlarutan di Timur Tengah dan pengeluaran komoditi yang lebih rendah. Sementara itu, potensi pertumbuhan menjadi pesat boleh berpunca daripada konflik yang mereda, permintaan terhadap barangan E&E yang lebih kukuh dan aktiviti pelancongan yang lebih giat..

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras masing-masing mencatatkan purata 1.6% dan 2.1% pada suku pertama tahun 2026. Harga komoditi global yang lebih tinggi akibat konflik Timur Tengah dijangka meningkatkan tekanan kos dalam negeri, lantas menyebabkan inflasi meningkat sedikit. Walau bagaimanapun, kesan konflik terhadap inflasi keseluruhan dan inflasi teras pada tahun 2026 dijangka kekal terkawal. Hal ini mencerminkan langkah-langkah dasar dalam negeri dan keadaan permintaan yang stabil, yang akan mengurangkan pindahan tekanan kos luaran kepada harga dalam negeri.

Pertimbangan Dasar

MPC mengambil maklum ketidakpastian berikutan konflik yang sedang berlaku di Timur Tengah. Kesannya terhadap ekonomi global dan ekonomi Malaysia akan bergantung pada perkembangan hal ini. Pada tahap OPR semasa, MPC berpendapat bahawa pendirian dasar monetari adalah wajar dan konsisten dengan prospek kestabilan harga yang berterusan dan pertumbuhan ekonomi yang mampan. MPC akan terus memantau perkembangan semasa dan menilai imbangan risiko berhubung dengan prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri.

Tinjauan Ekonomi Global

Pertumbuhan global sederhana berikutan konflik Timur Tengah serta rintangan tarif

Ekonomi global:

- Bagi tahun 2026, pertumbuhan dijangka berkembang pada kadar yang lebih sederhana. Rintangan daripada konflik di Timur Tengah dijangka mempengaruhi pertumbuhan.
- Walau bagaimanapun, pertumbuhan akan terus disokong oleh pelaburan yang kukuh dalam teknologi dan pendigitalan, serta dasar fiskal yang menyokong.

Perdagangan Global:

- Pertumbuhan perdagangan global diunjurkan semakin perlahan, sebahagiannya mencerminkan kesan asas yang tinggi pada tahun 2025 akibat penghantaran yang dipercepat (*frontloaded shipments*) serta permintaan berkaitan AI yang kukuh.
- Konflik di Timur Tengah yang sedang berlaku juga dijangka mengganggu rantaian bekalan, sekali gus mengekalkan pertumbuhan perdagangan global di bawah purata yang pernah dicatatkan .
- Kelembapan ini sebahagiannya akan diimbangi oleh permintaan berterusan terhadap produk elektrikal dan elektronik (E&E), khususnya komponen berkaitan AI, bersama-sama dengan pendorong struktur seperti peningkatan pendigitalan.

Risiko pertumbuhan global cenderung untuk pertumbuhan menjadi perlahan

- **Imbangan risiko telah beralih kepada pertumbuhan menjadi perlahan** berbanding jangkaan sebelum ini berikutan konflik Timur Tengah yang semakin genting.
- **Risiko pertumbuhan menjadi perlahan** mungkin timbul daripada konflik di Timur Tengah yang berlarutan dan lebih menjejaskan, yang boleh meningkatkan lagi harga komoditi, serta potensi tarif yang lebih tinggi dan lebih khusus mengikut produk. Tambahan lagi, terdapat kebimbangan berterusan terhadap penilaian yang tinggi dalam pasaran kewangan.
- **Risiko pertumbuhan menjadi pesat** berpunca daripada perbelanjaan teknologi yang lebih kukuh, impak tarif yang lebih rendah serta sokongan dasar yang lebih besar di negara-negara maju.

Tinjauan Ekonomi Dalam Negeri

Permintaan dalam negeri serta eksport yang berdaya tahan akan terus menyokong pertumbuhan

- Unjuran pertumbuhan bagi tahun 2026 dijangka berada dalam julat 4%–5%, disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri serta eksport yang berterusan.
- Perbelanjaan isi rumah akan didorong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif serta sokongan dasar.
- Aktiviti pelaburan akan didorong oleh projek berbilang tahun dalam sektor swasta dan awam yang terus dilaksanakan, lebih banyak pelaburan yang diluluskan terus direalisasikan, serta pelaksanaan berterusan pelan induk nasional.
- Pertumbuhan eksport akan disokong oleh pengembangan teknologi global, terutamanya permintaan terhadap produk elektrikal dan elektronik (E&E), mencerminkan peranan Malaysia dalam rantaian nilai global.

Prospek pertumbuhan terus disokong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan, dalam keadaan ketegangan geopolitik yang meningkat

- **Ekonomi dalam negeri terus disokong oleh asas-asas yang berdaya tahan**, meskipun prospek tersebut tertakluk pada ketidakpastian yang berpunca daripada perkembangan global yang ketara
- **Risiko prospek pertumbuhan menjadi perlahan** termasuk konflik Timur Tengah yang berlarutan, potensi kelembapan ekonomi dalam rakan dagang utama, kos sara hidup yang meningkat serta pengeluaran komoditi yang lebih rendah daripada jangkaan.
- **Risiko peningkatan kepada prospek pertumbuhan** mungkin timbul daripada prospek pertumbuhan global yang lebih baik, pelancongan ke dalam negeri yang meningkat serta lencongan perdagangan dan pelaburan.

Keadaan Permintaan Dalam Negeri

Perbelanjaan isi rumah akan disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif serta langkah dasar yang berterusan

Upah agregat nominal[6] dan guna tenaga
Perubahan tahunan, %



- **Perbelanjaan swasta dijangka terus berkembang**, disokong oleh pertumbuhan upah yang berterusan serta langkah-langkah dasar yang sedang dilaksanakan.
- Pertumbuhan upah akan disokong oleh aktiviti dalam negeri yang berterusan serta langkah dasar berkaitan pendapatan termasuk Fasa 2 Semakan Gaji Perkhidmatan Awam (Civil Servant Salary Revision, CSSR).
- Selain itu, pindahan wang tunai seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) akan menyokong perbelanjaan isi rumah.
- Subsidi BUDI95 juga akan membantu mengehadkan tekanan daripada harga minyak yang lebih tinggi kepada perbelanjaan isi rumah.

[6] Merujuk upah sektor swasta dan awam. Gaji sektor swasta diperoleh daripada data gaji dan upah yang diterbitkan dalam Statistik Pembuatan Bulanan dan Statistik Perkhidmatan Suku Tahunan. Gaji sektor awam pula merujuk gaji yang dibayar kepada penjawat awam.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aktiviti pelaburan kekal menggalakkan, dengan tumpuan berterusan kepada subsektor berkompleksiti tinggi

Jumlah Kelulusan Pelaburan oleh MIDA Mengikut Pelaburan Asing dan Dalam Negeri
RM bilion



- **Prospek pelaburan dijangka kekal menggalakkan** dengan kelulusan pelaburan yang lebih tinggi dicatatkan pada tahun 2025 iaitu sebanyak RM426.7 bilion, berbanding RM384.4 bilion pada tahun 2024, didorong oleh pelaburan dalam negeri dan asing. Yang penting, 84.9% daripada projek perkilangan yang diluluskan antara tahun 2021 hingga 2025 sedang berada dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.
- Pelaburan asing terus tertumpu dalam subsektor berkompleksiti tinggi seperti ICT, E&E dan produk kimia yang menyumbang 64.3% daripada kelulusan pelaburan asing pada tahun 2025. Dalam sektor ICT, pelaburan pusat data kekal sebagai penyumbang utama,, mencerminkan permintaan yang kukuh terhadap infrastruktur digital.
- Sementara itu, pengembangan teknologi global turut menyokong pelaburan yang berterusan dalam sektor E&E dan projek perkilangan lain.

Sumber: MIDA

Keadaan Permintaan Luaran

Pertumbuhan eksport akan disokong oleh daya tahan sektor E&E

Pertumbuhan eksport kasar
Perubahan tahunan dan sumbangan kepada pertumbuhan, % dan ppt



- **Daya tahan eksport E&E** disokong oleh pengembangan teknologi global dan peranan penting Malaysia dalam rantaian nilai global E&E, yang akan mengimbangi kesan daripada konflik Timur Tengah.
- Eksport berkaitan komoditi dijangka menghadapi tekanan menurun bagi **kuantiti eksport berikutan konflik Timur Tengah** dan aktiviti penyelenggaraan dalam negeri. Walau bagaimanapun, sebagai pengeksport tenaga bersih, kesan-kesan ini mungkin **diimbangi sebahagiannya oleh harga yang lebih tinggi**.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kepelbagaian eksport perkhidmatan dijangka mengimbangi sebahagian kesan kejutan luaran

Pertumbuhan pendapatan perkhidmatan[7]
Perubahan tahunan dan sumbangan kepada pertumbuhan % dan mata peratusan



- Konflik Timur Tengah telah mengganggu hab penerbangan utama dan meningkatkan kos perjalanan, sekali gus menjejaskan prospek pelancongan. Meskipun begitu, pendapatan perjalanan **dijangka kekal mampan, namun berkembang pada kadar yang lebih sederhana.** Walaupun konflik yang berpanjangan boleh melembabkan lagi sektor pelancongan, perjalanan serantau yang berdaya tahan boleh mengimbangi sebahagian kesan ini.
- Pendapatan perkhidmatan juga akan disokong oleh **daya tahan permintaan perkhidmatan berkaitan pusat data** yang mendorong eksport perkhidmatan ICT, serta pertumbuhan stabil **perkhidmatan berkaitan perniagaan dan perkilangan**

[7] Berkaitan pelancongan merangkumi perkhidmatan perjalanan dan pengangkutan. Perkhidmatan perniagaan termasuk perkhidmatan profesional dan teknikal serta pajakan operasi. Perkhidmatan lain merangkumi perkhidmatan peribadi, kebudayaan, rekreasi, insurans dan kewangan.

Sumber: CEIC

Tinjauan Inflasi

Inflasi dijangka meningkat sedikit pada tahun 2026

- Inflasi keseluruhan diunjurkan berpurata dalam julat 1.5%–2.5% pada tahun 2026, dan berkemungkinan menghampiri paras atas julat tersebut. Susulan konflik Timur Tengah, harga global yang lebih tinggi bagi tenaga dan komoditi utama lain menyebabkan inflasi meningkat, secara amnya selaras dengan jangkaan. Penunjuk berfrekuensi tinggi setakat awal bulan Mei menunjukkan kesan yang sederhana pada harga.
- Kejutan komoditi global mempengaruhi inflasi dalam negeri menerusi dua saluran.
    - Secara langsung, iaitu menerusi harga yang lebih tinggi untuk barangan pengguna yang diimport dan komponen berkaitan tenaga yang berkait dengan tanda aras global. Sebagai contoh, melalui harga bahan api runcit (cth. RON97, diesel yang tidak bersubsidi[13]).
    - Secara tidak langsung, menerusi kos input yang lebih tinggi yang melalui rantaian pengeluaran dalam negeri sebelum harga akhir ditetapkan. Sebagai contoh, kos bahan mentah dan pembungkusan yang lebih tinggi boleh menaikkan harga barangan pengguna (cth. barangan makanan berbungkus).
- Tahap dan kadar pemindahan kepada harga domestik akan bergantung pada beberapa faktor. Antaranya termasuk amalan penetapan harga syarikat, keadaan permintaan serta kewujudan faktor yang dapat mengehadkan tekanan harga dalam persekitaran ketiadaan tekanan permintaan yang berlebihan. Dalam keadaan ini, langkah-langkah dasar sedia ada, seperti subsidi bahan api bersasar, dijangka membantu mengehadkan kesan limpahan jangka pendek kepada inflasi yang lebih luas.

[8] Pengguna diesel di Sabah dan Sarawak terus menikmati harga bersubsidi iaitu RM2.15 seliter.

Prospek inflasi terus bergantung pada perkembangan global yang berubah-ubah

- Sejak suku keempat tahun 2025, imbangan risiko kepada inflasi telah berubah dan kini cenderung untuk menjadi lebih tinggi susulan konflik Timur Tengah yang semakin meruncing.
    - **Risiko inflasi yang lebih tinggi** disebabkan oleh harga komoditi yang tinggi dan lebih tidak menentu bagi input tenaga dan bukan tenaga berikutan ketegangan geopolitik yang semakin meruncing. Hal ini boleh menyebabkan tekanan yang lebih ketara dan berterusan pada kos input, khususnya jika gangguan bekalan menjadi lebih luas.
    - **Risiko inflasi yang lebih rendah** boleh berpunca daripada permintaan global dan aktiviti perdagangan yang lebih lemah daripada jangkaan, yang boleh menjejaskan pertumbuhan dalam negeri dan keadaan permintaan termasuk perbelanjaan bukan keperluan yang lebih berhati-hati oleh isi rumah. Harga komoditi global dan tekanan kos diimport yang semakin reda juga boleh menyumbang kepada inflasi yang lebih rendah.

Rencana

Menangani Gangguan Besar dalam Landskap Komoditi Global: Kesan Konflik Timur Tengah Terhadap Makroekonomi Malaysia

Ringkasan

- Konflik Timur Tengah yang semakin meruncing telah mengakibatkan peningkatan ketara harga tenaga global dan komoditi. Sekatan laluan maritim menerusi Selat Hormuz juga telah menjejaskan rantaian bekalan dunia dan aliran input yang sangat penting.
- Perkembangan ini menimbulkan risiko pertumbuhan global menjadi perlahan dan pada masa yang sama meningkatkan tekanan inflasi yang mungkin menyebabkan kesan limpahan kepada pertumbuhan dan inflasi Malaysia.
- Sejauh mana ekonomi akan terjejas bergantung pada tempoh dan tahap keseriusan konflik ini. Ketidakpastian yang tinggi serta kemungkinan yang pelbagai menekankan keperluan analisis senario untuk menilai hasil yang mungkin berlaku.

Pengenalan

Konflik di Timur Tengah yang bermula pada hujung bulan Februari semakin genting sejak beberapa bulan kebelakangan ini, lalu meningkatkan risiko terhadap landskap ekonomi dunia. Selat Hormuz, iaitu laluan penting bagi kira-kira 20% tenaga global dan pelbagai input utama, telah disekat hampir sepenuhnya lantas menyebabkan gangguan yang ketara pada rantaian bekalan global. Konflik yang berpanjangan mampu mempengaruhi pertumbuhan global, memburukkan lagi tekanan inflasi dan meningkatkan volatiliti pasaran kewangan yang menyebabkan kesan limpahan yang negatif kepada pelbagai ekonomi termasuk Malaysia. Berlatarkan perkembangan ini, rencana ini mengemas kini unjuran dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2025 yang diterbitkan pada bulan Mac 2026 bagi mencerminkan perkembangan semasa konflik serta perubahan yang berkaitan dengannya dalam persekitaran risiko. Rencana ini selanjutnya menilai saluran transmisi utama, meneliti kesan kepada makroekonomi Malaysia dan menggariskan pertimbangan dasar yang berkenaan.

Meninjau perkembangan terkini konflik di Timur Tengah: tempoh, skop dan tahap keseriusan yang semakin meningkat

Selepas lebih dua bulan konflik berlarutan, situasi geopolitik di Timur Tengah belum menunjukkan perkembangan yang bermakna. Meskipun usaha diplomatik dan inisiatif gencatan senjata yang terputus-putus terus dijalankan, keadaan kekal tidak menentu, dicirikan oleh gangguan yang berulang pada laluan maritim, rampasan kapal dan peningkatan aktiviti ketenteraan. Aktiviti perkapalan komersial melalui Selat Hormuz kekal lembap susulan penyusutan ketara pada peringkat awal konflik (Rajah 1). Walaupun terdapat peningkatan kecil yang bersifat sementara dalam pergerakan kapal, aliran keluar masuk kekal lemah sepanjang bulan April dengan jumlah transit masih jauh di bawah paras sebelum konflik sekali gus mencerminkan penghindaran risiko yang lebih tinggi dalam kalangan pemilik kapal dan syarikat insurans.

Rajah 1: Kapal komersial yang melalui Selat Hormuz

Bilangan kapal



Sumber: Bloomberg

Menangani Gangguan Besar dalam Landskap Komoditi Global: Kesan Konflik Timur Tengah Terhadap Makroekonomi Malaysia

Pada bulan Mac 2026, bekalan minyak dunia dianggarkan merosot sebanyak 10 juta tong sehari lalu menandakan kejutan bekalan minyak paling besar pernah dicatatkan (Rajah 2). Harga minyak dunia meningkat secara mendadak seiring dengan kenaikan harga minyak fizikal lebih tinggi berbanding dengan harga pasaran hadapan. Hal ini mencerminkan keadaan bekalan segera yang sangat terhad (Rajah 3). Selain minyak mentah dan produk petroleum ditapis, rantau Teluk juga merupakan pembekal utama bagi input yang sangat penting termasuk gas semula jadi berbentuk cecair, baja, helium dan aluminium. Sehubungan dengan itu, konflik ini telah menyebabkan kenaikan harga secara meluas merentas komoditi sekali gus memperlihatkan kesan limpahan yang lebih besar daripada pasaran tenaga yang ketat kepada gangguan rantaian bekalan (Rajah 4).

Rajah 2: Kehilangan permulaan bekalan minyak dalam konflik geopolitik terdahulu

juta tong sehari



Sumber: International Energy Agency, U.S. Energy Information Administration, dan Bank Dunia

Rajah 3: Harga Dated Brent berbanding harga Brent Futures bagi tahun 2026

USD setong



Nota: Harga Dated Brent mencerminkan keadaan pasaran minyak fizikal dan oleh itu cenderung bertindak balas dengan lebih ketara terhadap gangguan bekalan jangka pendek, kos perkapalan dan insurans yang lebih tinggi serta perolehan awasan. Sebaliknya, harga Brent Futures mencerminkan harga pasaran hadapan dan lazimnya mengambil kira kemungkinan kekangan bekalan akan reda mengikut peredaran masa, lantas menghasilkan tindak balas harga yang lebih sederhana.
Sumber: Bloomberg, U.S. Energy Information Administration dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 4: Perubahan harga komoditi sejak bermulanya konflik

Indeks, 0 = 28 Feb 2026



Nota: Data harian, dengan pemerhatian terakhir pada 20 April 2026.
Sumber: Bloomberg, Bank Dunia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Menangani Gangguan Besar dalam Landskap Komoditi Global: Kesan Konflik Timur Tengah terhadap Makroekonomi Malaysia

Saluran transmisi konflik Timur Tengah kepada ekonomi Malaysia

Konflik Timur Tengah menjejaskan ekonomi dalam negeri melalui empat saluran utama (Rajah 5).

1. Saluran harga: Harga komoditi tenaga dan bukan tenaga global yang lebih tinggi, bersama dengan gangguan laluan perkapalan antarabangsa meningkatkan kos tenaga, pengangkutan dan pengeluaran, sekali gus menyebabkan tekanan menaik pada kos dalam negeri. Sebahagian daripada tekanan kos ini seterusnya disalurkan kepada harga pengguna terpilih, khususnya perkhidmatan berkaitan pengangkutan dan barangan makanan yang bergantung pada input import. Inflasi yang meningkat seterusnya menghakis kuasa beli sebenar isi rumah serta meningkatkan kos operasi perniagaan, lantas menyebabkan penggunaan dan pengeluaran yang lebih berhati-hati meskipun langkah-langkah dasar dan penyerapan kos yang sedia ada membantu mengurangkan kesan sampingan untuk tempoh jangka pendek.

2. Saluran perdagangan: Gangguan terhadap aliran tenaga dan laluan perkapalan global menjejaskan perdagangan dunia serta memberikan kesan limpahan kepada aktiviti perdagangan Malaysia. Selain permintaan luaran yang lebih perlahan, gangguan rantaian bekalan turut menghalang bekalan input mustahak dan bahan mentah yang diperlukan untuk pengeluaran produk perkilangan. Contohnya, gangguan kepada bekalan nafta, yang merupakan input penting dalam pengeluaran plastik, boleh menjejaskan industri hiliran seperti pembungkusan makanan dan barangan pengguna dengan meningkatkan kos

Rajah 5: Ilustrasi ringkas saluran transmisi konflik Timur Tengah kepada ekonomi Malaysia



Menangani Gangguan Besar dalam Landskap Komoditi Global: Kesan Konflik Timur Tengah terhadap Makroekonomi Malaysia

serta mengekang pengeluaran (Rajah 6). Pada masa yang sama, kos bahan api jet yang lebih tinggi, kebimbangan keselamatan dan gangguan laluan udara telah menyebabkan pembatalan penerbangan serta aktiviti pelancongan yang semakin berkurang. Sekiranya konflik ini berlarutan dan semakin teruk, gangguan rantaian bekalan yang berterusan serta pendapatan sektor perkhidmatan yang lebih rendah boleh semakin menjejaskan pendapatan eksport, mengurangkan pendapatan serta melemahkan permintaan dalam negeri.

3. Saluran sentimen: Ketidakpastian berkaitan konflik, serta peningkatan tekanan kos dan volatiliti pasaran kewangan mungkin mempengaruhi sentimen perniagaan dan pengguna, lantas menyebabkan syarikat menangguhkan keputusan pelaburan serta tingkah laku penggunaan isi rumah yang lebih berhati-hati. Tindak balas ini seterusnya boleh menyebabkan kesan keseluruhan yang lebih besar terhadap permintaan dalam negeri.

4. Saluran pasaran kewangan: Ketidakpastian geopolitik yang tinggi cenderung untuk meningkatkan penghindaran risiko global lantas menyumbang kepada peningkatan volatiliti pasaran kewangan dan keadaan kewangan global yang lebih ketat. Sentimen pelabur yang merosot boleh mencetuskan amalan penghindaran risiko dalam pasaran kewangan global. Keadaan ini menyebabkan volatiliti yang lebih tinggi dan meningkatkan premium risiko. Bagi banyak negara termasuk Malaysia, situasi ini boleh mengakibatkan volatiliti aliran modal yang lebih tinggi, tekanan kadar pertukaran serta perubahan harga aset yang tidak menentu.

Rajah 6: Dedahan Malaysia kepada bekalan Teluk[1] mengikut produk import
% dedahan kepada bekalan Timur Tengah (langsung dan tidak langsung[2])



Nota: [1] Negara Teluk merangkumi Arab Saudi, UAE, Kuwait, Qatar, Bahrain, Iran dan Iraq. [2] Dedahan tidak langsung diukur dengan menimbang import Malaysia daripada setiap rakan dagangan mengikut dedahan mereka kepada import dari Timur Tengah, bagi menggambarkan sejauh mana kejutan huluan boleh dipindahkan melalui pembekal alternatif. [3] Ditafsirkan bahawa 26.7% daripada import plastik adalah secara langsung dari Teluk, dengan dedahan sebanyak 13.2% lagi melalui dedahan rakan perdagangan kepada Teluk.
Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia, S&P Global Trade Atlas, UN COMTRADE dan anggaran Bank Negara Malaysia

Menangani Gangguan Besar dalam Landskap Komoditi Global: Kesan Konflik Timur Tengah Terhadap Makroekonomi Malaysia

Jadual 1: Andaian utama bagi senario konflik Timur Tengah

	Senario Asas: Konflik berlarutan	Senario Lebih Serius: Peningkatan ketegangan berpanjangan
Harga Brent (USD/tong)	**USD85–105 (Paras Pusat: USD95)[1]**	**USD120–140 (Paras Pusat: USD130)**
Anggaran bulan Mac 2026	USD70–90 (Paras Pusat: USD80)	USD110–130 (Paras Pusat: USD120)
Selat Hormuz	**Konflik yang berlarutan** Tempoh penutupan Selat Hormuz: 3-6 bulan (sehingga akhir bulan Ogos) • Laluan terpilih bagi kapal tangki Iran dan sekutunya • Penutupan secara *de facto* menerusi penarikan perlindungan insurans dan penghindaran risiko	**Konflik berpanjangan dan semakin meluas** Tempoh penutupan Selat Hormuz: >6 bulan • Menghentikan sepenuhnya laluan perkapalan (cth. sekatan laut AS sepenuhnya) • Penutupan secara *de facto* menerusi penarikan perlindungan insurans dan penghindaran risiko
Pengeluaran Minyak & Gas	• **Minyak**: Operasi pengeluaran terhenti akibat kerosakan infrastruktur dan inventori yang tepu • **LNG**[2]: Gangguan kekal yang menyebabkan kekangan bekalan di Eropah dan Asia	• **Minyak**: Operasi pengeluaran terhenti dengan nyata dan berpanjangan serta inventori yang tepu. Gangguan pada laluan pintasan saluran paip • **LNG**: Gangguan berpanjangan yang menyebabkan kekurangan bekalan di Eropah dan Asia
Selepas resolusi konflik	• **Sedikit kerosakan yang berpanjangan terhadap pengeluaran** akibat kerosakan infrastruktur • Penurunan harga secara beransur-ansur apabila premium risiko kembali normal, keyakinan pemilik kapal pulih dan inventori negara ditambah semula	• **Kerosakan teruk yang berpanjangan terhadap pengeluaran** akibat kerosakan infrastruktur • Harga lebih tinggi untuk tempoh lebih lama akibat peningkatan premium risiko, penangguhan penyambungan semula operasi yang bergantung pada aliran di Selat Hormuz dan garis masa pengeluaran dimulakan semula
Faktor pengimbangan	• Penyaluran rizab strategik ke pasaran • Perubahan laluan saluran paip bagi Arab Saudi dan UAE • Kapal tangki terpilih melalui Selat Hormuz • Langkah-langkah dasar yang menyokong permintaan oleh kerajaan di seluruh dunia	• Penyaluran rizab yang lebih banyak, meskipun tidak mencukupi untuk menampung kekurangan bekalan fizikal • Pengurangan permintaan yang berterusan akibat kemelesetan ekonomi mula membendung tekanan permintaan • Peningkatan pengeluaran oleh negara pengeluar di luar negara Teluk

Nota: [1] Harga purata minyak mentah Dated Brent sejak awal tahun hingga 11 Mei adalah sebanyak USD91.6 setong (Brent Futures: USD86.3 setong). [2] Gas Asli Cecair (Liquefied Natural Gas)

Menangani Gangguan Besar dalam Landskap Komoditi Global: Kesan Konflik Timur Tengah Terhadap Makroekonomi Malaysia

Prospek yang dikemas kini: senario asas dan senario lebih serius

Jika dibandingkan dengan penilaian pada bulan Mac, **senario asas** yang dikemas kini mengandaikan bahawa persekitaran konflik yang berlarutan lebih lama berbanding peningkatan yang bersifat sementara. Sehubungan dengan itu, harga minyak dijangka kekal tinggi untuk tempoh yang lebih lama. Hal ini mencerminkan ketidakpastian geopolitik yang berterusan serta risiko yang berpanjangan terhadap bekalan tenaga global. Andaian berkaitan gangguan maritim di Selat Hormuz turut disemak. Selain risiko penutupan fizikal sepenuhnya, penekanan yang lebih besar diberikan pada rintangan tidak langsung termasuk penarikan perlindungan insurans dan sentimen penghindaran risiko yang meningkat dalam kalangan pemilik kapal, yang seterusnya boleh mengekang aktiviti perkapalan meskipun sekatan penuh tidak berlaku. Kesemua gangguan ini dijangka berterusan selama beberapa bulan. Penilaian terkini juga memberikan penekanan yang lebih besar pada gangguan bekalan minyak dan gas yang berpanjangan serta proses pemulihan selepas konflik yang lebih perlahan. Berbanding andaian sebelum ini yang menjangkakan gangguan bersifat sementara dan tempoh pemulihan yang pantas, senario asas kini mengambil kira tempoh penutupan pengeluaran yang lebih lama, keadaan pasaran LNG global yang lebih ketat serta pemulihan output yang lebih beransur-ansur. Walaupun faktor mitigasi seperti pelepasan rizab petroleum strategik dan peningkatan pengeluaran daripada pengeluar di luar rantau Teluk kekal relevan, keupayaan mereka untuk menampung kekurangan bekalan sepenuhnya dinilai sebagai terhad.

Andaian bagi **senario lebih serius** adalah konflik yang berlarutan untuk tempoh lebih lama dan dicirikan oleh kemerosotan keadaan keselamatan maritim yang nyata. Gangguan yang berlaku di Selat Hormuz dijangka berterusan melebihi enam bulan sekali gus menyebabkan hampir keseluruhan pergerakan kapal komersial terhenti dan berlakunya penutupan secara *de facto* bagi salah satu laluan transit tenaga terpenting di dunia. Dalam senario ini, pasaran minyak dan gas akan mengalami gangguan bekalan yang ketara serta berpanjangan. Pengeluaran terhenti pada tahap lebih teruk dan lebih lama akibat kerosakan infrastruktur, keupayaan pemindahan yang terhad serta gangguan pada laluan saluran paip alternatif. Keadaan bekalan LNG global juga menjadi ketat secara mendadak dengan gangguan yang berpanjangan sehingga menyebabkan kekurangan bekalan yang serius di Eropah dan Asia. Berbanding dengan senario asas, tempoh untuk keadaan kembali normal selepas konflik menjadi lebih lama dengan kesan kerosakan yang lebih ketara terhadap pengeluaran serta pemulihan pengeluaran minyak dan gas di rantau Teluk yang lebih perlahan daripada jangkaan. Oleh yang demikian, harga minyak dijangka kekal berada pada paras tinggi untuk jangka masa yang lama, disokong oleh premium risiko yang berterusan dan ketidaktentuan berhubung dengan tempoh serta keyakinan terhadap pemulihan bekalan. Meskipun pelepasan rizab strategik tambahan dan peningkatan pengeluaran oleh pengeluar di luar rantau Teluk mengimbangi sebahagian daripada isu tersebut, langkah-langkah ini tidak mencukupi untuk mengatasi kekurangan bekalan fizikal sepenuhnya, dengan pengurangan permintaan yang berterusan akibat kemelesetan ekonomi hanya meredakan tekanan harga secara beransur-ansur mengikut peredaran masa.

Menangani Gangguan Besar dalam Landskap Komoditi Global: Kesan Konflik Timur Tengah Terhadap Makroekonomi Malaysia

Kesan terhadap makroekonomi Malaysia

Dalam senario asas, kesan konflik Timur Tengah terhadap Malaysia dinilai sebagai terkawal, memandangkan ekonomi negara memasuki tempoh ini daripada kedudukan yang kukuh, disokong oleh keadaan permulaan yang secara relatif lebih baik. Pertama, sebagai pengeksport tenaga bersih, harga minyak dan gas yang lebih tinggi dijangka menampung keseimbangan perdagangan tenaga bersih di Malaysia (Rajah 7). Kedua, Malaysia meraih manfaat daripada momentum pertumbuhan yang kukuh daripada suku keempat tahun 2025 dan suku pertama tahun 2026, disokong oleh eksport elektrik dan elektronik (E&E) (Rajah 8) serta teknologi maklumat dan komunikasi (*information and communication technology,* ICT) (Rajah 9) yang berdaya tahan. Ketiga, persekitaran inflasi yang rendah dan stabil membantu meredakan tekanan kos dalam negeri serta menyokong kestabilan makroekonomi secara keseluruhan. Asas yang kukuh ini akan terus menyokong daya tahan ekonomi negara.

Dari segi struktur, kitaran teknologi global yang didorong AI dijangka terus menyokong eksport E&E lantas mencerminkan kedudukan kukuh Malaysia dalam ekosistem perkhidmatan perkilangan semikonduktor dan elektronik dunia. Peningkatan penglibatan Malaysia dalam pembungkusan canggih serta pembekalan komponen mustahak turut memperkukuh penyertaan negara dalam aktiviti bernilai tambah lebih tinggi. Perkembangan ini juga telah menghasilkan kesan limpahan yang positif kepada segmen jentera dan peralatan sokongan sekali gus memperluas sumber momentum pertumbuhan.

Rajah 7: Imbangan perdagangan minyak dan gas Malaysia
RM bilion



Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 8: Eksport E&E Malaysia, bil bersih WSTS
Perubahan tahunan (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia, World Semiconductor Trade Statistics dan CEIC

Menangani Gangguan Besar dalam Landskap Komoditi Global: Kesan Konflik Timur Tengah Terhadap Makroekonomi Malaysia

Rajah 9: Eksport ICT nominal Malaysia, kapasiti operasi pusat data



Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia, CEIC dan DC Byte

Kesan berkenaan juga dijangka dapat diimbangi oleh permintaan dalam negeri yang kukuh. Perbelanjaan isi rumah akan disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan dan langkah-langkah dasar berkaitan pendapatan. Aktiviti pelaburan diunjurkan kekal teguh, disokong oleh pelaksanaan berterusan projek-projek yang telah diluluskan sebelum ini terutamanya dalam sektor berteknologi tinggi seperti E&E dan aktiviti berkaitan ICT serta perbelanjaan infrastruktur yang berterusan.

Subsidi bahan api bersasar memainkan peranan penting dalam mengawal tekanan inflasi. Mekanisme sedia ada seperti BUDI95 membantu membendung kesan sampingan langsung daripada kenaikan harga global terhadap inflasi bahan api dalam negeri (wajaran petrol dalam indeks harga pengguna (IHP): 5.5%), manakala subsidi diesel bersasar (SKDS 2.0)[1] sebahagiannya mengurangkan kesan kos kepada pengangkutan logistik dan komersial yang layak. Keadaan ini mengehadkan tahap limpahan daripada harga diesel yang lebih tinggi terhadap inflasi dalam kumpulan IHP yang lebih luas. Meskipun kos input pengeluaran yang lebih tinggi termasuk tenaga, baja dan bahan mentah berkaitan petroleum yang lain dijangka memberikan tekanan menaik kepada barangan pengguna terpilih, magnitud kenaikan keseluruhan dijangka kekal terurus berikutan langkah-langkah dasar berkenaan bersama-sama dengan keadaan permintaan yang sederhana.

Dalam senario lebih serius, kesannya jauh lebih ketara. Gangguan yang berpanjangan terhadap aliran tenaga dan bekalan input yang sangat penting memberikan tekanan yang kuat kepada rantaian bekalan global, sekali gus mempengaruhi pertumbuhan global. Kekangan berikutan kekurangan input utama dan permintaan luar negeri yang lebih lemah menjadikan kejutan luaran yang berpanjangan dan lebih serius melembapkan aktiviti perdagangan. Hal ini seterusnya memberikan kesan kepada pertumbuhan dalam negeri yang lebih lemah. Paras inflasi yang tinggi, sentimen yang lebih berhati-hati dan volatiliti pasaran kewangan yang meningkat telah memburukkan lagi kesan limpahan negatif tersebut. Tekanan inflasi juga dijangka lebih kuat dan berterusan didorong oleh tekanan kos luaran yang lebih tinggi serta berpanjangan. Dalam persekitaran ini, asas ekonomi Malaysia yang kukuh sebahagiannya mengimbangi kelemahan sektor luaran.

Nota: [1] Melalui SKDS 2.0, kenderaan logistik dan pengangkutan yang layak terus menikmati pembelian diesel pada harga subsidi, dengan hampir 150,000 syarikat diluluskan di bawah skim ini. Bantuan tunai bersasar turut disalurkan kepada individu yang layak serta sektor tertentu (contohnya pekebun kecil, petani dan peniaga kecil).

Rencana

Menangani Gangguan Besar dalam Landskap Komoditi Global: Kesan Konflik Timur Tengah Terhadap Makroekonomi Malaysia

Kesan terhadap perniagaan akibat konflik Timur Tengah

Sesi libat urus industri telah diadakan pada bulan Mac–April 2026[1] bagi mendapatkan pandangan mengenai kesan konflik terhadap kos, harga, hasil, pelaburan dan tenaga kerja pada suku kedua tahun 2026. Keseluruhannya, syarikat terkesan terutamanya menerusi kos manakala hasrat pelaburan dan pengambilan pekerja secara umumnya kekal tidak terjejas.

Lebih separuh daripada syarikat-syarikat melaporkan kos yang lebih tinggi, menjejaskan syarikat berorientasikan domestik dan yang berorientasikan eksport. Hal ini didorong terutamanya oleh harga bahan mentah yang meningkat akibat kekurangan bekalan serta kos logistik yang lebih tinggi termasuk kos penghantaran dan insurans. Kekurangan bahan mentah merangkumi bahan kimia industri seperti metanol, input berkaitan plastik dan gas industri seperti helium. Kos baja yang lebih tinggi turut memberikan kesan kepada beberapa syarikat pertanian.

Lebih satu pertiga daripada syarikat-syarikat tersebut merancang untuk menyalurkan kenaikan kos sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya kepada harga jualan. Faktor-faktor yang menyebabkan kos disalurkan sepenuhnya termasuk penggunaan model penentuan harga tokok kos *(cost-plus)* oleh sesetengah pengeluar, permintaan yang tidak anjal bagi penyedia perkhidmatan logistik, serta harga komoditi yang tinggi lantas memberikan ruang kepada pengeluar untuk mengimbangi kos yang lebih tinggi dengan menaikkan harga jualan. Bagi syarikat yang menyalurkan hanya sebahagian kos, sesetengahnya beroperasi dengan margin yang rendah seperti perniagaan runcit serta makanan dan minuman. Perniagaan lain pula mengambil pendekatan berhati-hati bagi mengelakkan kehilangan pelanggan yang peka dengan perubahan harga menerusi kenaikan harga secara berperingkat.

Sementara itu, kurang sedikit daripada satu pertiga syarikat-syarikat ini merancang untuk menyerap kos disebabkan persaingan sengit dan keperluan mematuhi undang-undang. Sebagai contoh, pelarasan harga bagi perkhidmatan berkaitan pelabuhan dan penerbangan perlu mendapatkan kelulusan Kerajaan. Baki satu pertiga syarikat lagi menyatakan tiada kesan pada kos syarikat, lantas akan mengekalkan harga jualan.

Hasil pendapatan menunjukkan keputusan yang bercampur-campur merentas syarikat. Kurang daripada satu pertiga mencatatkan pendapatan yang lebih rendah, dengan sektor berkaitan pelancongan mencakupi kira-kira separuh daripada kes ini berikutan gangguan penerbangan dan pembatalan tempahan. Beberapa pengeluar kereta turut menghadapi pembatalan tempahan bagi kereta yang menggunakan enjin pembakaran dalaman (*internal combustion engine*, ICE) berikutan kos bahan api yang lebih tinggi, namun keadaan ini sebahagiannya diimbangi oleh permintaan kenderaan elektrik (*electric vehicle*, EV) yang lebih tinggi. Sementara itu, sesetengah pengeluar dalam sektor berkaitan sumber dan berkaitan pengguna menjangkakan tempahan yang lebih rendah berikutan harga jualan yang lebih tinggi serta kekurangan bahan mentah. Beberapa syarikat melaporkan pendapatan yang lebih tinggi, sebahagian besarnya dalam syarikat berkaitan komoditi dan penyedia logistik.

Hasrat pelaburan dan pengambilan pekerja secara umumnya kekal tidak terjejas, meskipun mula terdapat tanda-tanda pendekatan yang lebih berhati-hati. Aktiviti

Nota: [1] Pandangan diambil daripada 85 syarikat merentas semua sektor ekonomi, iaitu perkilangan (40%), perkhidmatan (39%), pertanian (9%), pembinaan (8%) dan perlombongan (4%). Sebanyak 55% merupakan syarikat berorientasikan domestik manakala 45% merupakan syarikat berorientasikan eksport.

Menangani Gangguan Besar dalam Landskap Komoditi Global: Kesan Konflik Timur Tengah Terhadap Makroekonomi Malaysia

pelaburan yang sedang dilaksanakan, termasuk projek berbilang tahun yang terikat, dijangka diteruskan seperti yang dirancang. Namun begitu, kira-kira satu perlima daripada syarikat-syarikat yang mengambil pendekatan tunggu dan lihat, termasuk menghentikan seketika atau menangguhkan pelaburan yang telah dirancang. Keadaan ini berlaku terutamanya dalam kalangan pengeluar berkaitan pelancongan dan sesetengah pengeluar berorientasikan eksport. Dari segi tenaga kerja, syarikat tidak melaporkan pemberhentian pekerja. Walau bagaimanapun, sebahagian kecil syarikat yang terjejas menyatakan kemungkinan untuk tidak mengisi kekosongan jawatan dan akan membiarkan susutan tenaga kerja berlaku secara semula jadi.

Syarikat-syarikat terus menunjukkan daya tahan untuk jangka terdekat (S2 2026), berikutan langkah pengurangan seperti strategi inventori dan sumber alternatif. Pertama, walaupun tahap inventori berbeza, syarikat-syarikat lazimnya menyimpan inventori bagi tempoh tiga hingga empat bulan. Inventori ini boleh digunakan untuk meneruskan pengeluaran dan menjadi penampan kepada kos bahan mentah yang lebih tinggi. Kedua, sesetengah syarikat mendapatkan input daripada pembekal alternatif seperti China dan Amerika Syarikat walaupun pada premium yang lebih tinggi serta tertakluk pada kawalan eksport. Akhir sekali, syarikat turut meneroka pasaran eksport baharu di luar Timur Tengah serta beralih kepada penggunaan jentera yang kurang bergantung pada bahan api. Meskipun strategi pengurangan ini boleh membantu mengehadkan sebahagian daripada kenaikan kos dan gangguan bekalan, risiko pertumbuhan menjadi perlahan terus menjadi kebimbangan bagi separuh kedua tahun 2026 sekiranya konflik berlarutan.

Keutamaan dasar: Memelihara kestabilan makroekonomi dan daya tahan jangka sederhana

Skala kejutan bekalan yang dikaitkan dengan gangguan yang hampir menyeluruh di Selat Hormuz belum pernah berlaku sebelum ini, dengan kesan yang meluas terhadap pasaran tenaga dan rantaian bekalan global. Dalam keadaan ini, ekonomi Malaysia sedang mengalami kejutan bekalan, mencerminkan gangguan terhadap rangkaian pengeluaran dunia, aliran tenaga dan kos input, yang bukan disebabkan oleh kelemahan permintaan dalam negeri. Dalam persekitaran ini, keutamaan dasar jangka pendek perlu tertumpu pada pengekalan kestabilan makroekonomi dan pada masa yang sama memelihara penampan mustahak. Keutamaan segera adalah untuk memastikan ketersediaan bekalan penting di samping melanjutkan penggunaan penampan sedia ada seperti inventori bahan api dan input mustahak untuk mengurangkan kejutan bekalan.

Tindak balas dasar perlu terus dilaksanakan secara berhemat, bersasar dan seimbang dengan memberikan tumpuan kepada pengawalan tekanan kos dan pencegahan pelarasan harga yang tidak teratur. Pada masa yang sama, segmen ekonomi yang paling terkesan perlu terus dilindungi. Selain meneruskan pelaksanaan subsidi bersasar, BNM juga telah memperkenalkan Kemudahan Bantuan Kestabilan PKS (SME Stabilisation Relief Facility, SME SRF) iaitu kemudahan pembiayaan berjumlah RM5 bilion bagi menyokong PKS berdaya maju yang terjejas akibat konflik ini. Bersama-sama dengan skim jaminan kredit dan sokongan pembiayaan yang berterusan, langkah ini membantu mengurangkan tekanan aliran tunai jangka pendek dan memastikan akses yang berterusan kepada modal kerja.

Menangani Gangguan Besar dalam Landskap Komoditi Global: Kesan Konflik Timur Tengah Terhadap Makroekonomi Malaysia

Pada masa yang sama, memelihara kestabilan monetari dan kewangan kekal penting. Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengambil maklum akan ketidakpastian berikutan konflik yang sedang berlaku di Timur Tengah.[1] Kesannya terhadap ekonomi global dan ekonomi Malaysia akan bergantung pada perkembangan hal ini. Pada tahap OPR semasa, MPC berpendapat bahawa pendirian dasar monetari adalah wajar dan konsisten dengan prospek kestabilan harga yang berterusan dan pertumbuhan ekonomi yang mampan. MPC akan terus memantau perkembangan semasa dan menilai imbangan risiko berhubung dengan prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri.

Selain kestabilan jangka pendek, perhatian kini tertumpu pada pengukuhan daya tahan melalui penjimatan sumber dan rantaian bekalan yang lebih terjamin. Pengukuhan keterjaminan makanan dan tenaga, pempelbagaian sumber import serta peningkatan keupayaan bekalan dalam negeri adalah sangat penting supaya kurang terjejas berikutan kejutan luaran. Usaha untuk memperkukuh jalinan perdagangan serantau dan alternatif juga boleh membantu mengurangkan gangguan rantaian bekalan serta meningkatkan akses kepada input mustahak. Tindakan mempercepat peralihan kepada tenaga boleh diperbaharui dan ekonomi hijau juga terus menjadi keutamaan jangka sederhana yang penting untuk membantu mengurangkan kekangan bekalan serta kebergantungan pada bahan api fosil dan volatiliti harga tenaga global.

Kesimpulan

Ketidaktentuan geopolitik di Timur Tengah yang ketara terus menimbulkan risiko luaran yang utama kepada Malaysia namun dalam tahap yang terkawal. Sebagai ekonomi kecil dan terbuka, Malaysia turut terkesan dengan perkembangan ini. Walaupun senario asas mengandaikan konflik yang berpanjangan tetapi terkawal, yang dicirikan dengan gangguan berkala terhadap aliran tenaga dan rantaian bekalan global, imbangan risiko terhadap pertumbuhan kekal cenderung ke arah pertumbuhan yang lebih perlahan sekiranya ketegangan semakin meruncing atau gangguan berterusan lebih lama.

Akhirnya, magnitud kesan makroekonomi akan bergantung pada tempoh dan keseriusan konflik, serta keberkesanan tindak balas dasar dan pelarasan peringkat syarikat dalam mengurangkan kesan limpahan kepada ekonomi benar. Struktur ekonomi Malaysia yang pelbagai, penampan dasar sedia ada dan strategi peringkat syarikat yang mudah suai memberikan asas penting kepada daya tahan jangka pendek. Dalam persekitaran ini, usaha dasar kekal tertumpu pada pemeliharaan makroekonomi dan kestabilan kewangan. Hal ini termasuk memastikan keadaan kewangan yang teratur, menyokong isi rumah dan syarikat yang terkesan melalui langkah bersasar serta memelihara keadaan bekalan dalam negeri. Maka, pemantauan berterusan serta fleksibiliti dasar adalah amat penting bagi membendung kesan akibat peningkatan kos, gangguan perdagangan dan perubahan sentimen pasaran kewangan berikutan persekitaran global yang tidak menentu.

[1] Sumber: Pernyataan Dasar Monetari bulan Mei 2026

Menangani Gangguan Besar dalam Landskap Komoditi Global: Kesan Konflik Timur Tengah Terhadap Makroekonomi Malaysia

Rujukan

Bank Dunia (2026). Commodity markets outlook, April 2026.

Bank Negara Malaysia. (2026). Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2025.

Bank Negara Malaysia. (2025). Daripada Bait kepada Ringgit: Analisis Ekonomi Pusat Data di Malaysia, Buletin Suku Tahunan S3 2025, Rencana 1.

Bank Negara Malaysia. (2026). Pernyataan Dasar Monetari bulan Mei 2026.

International Energy Agency. (14 April 2026). Oil market report, April 2026.

U.S. Energy Information Administration. (3 Mac 2026). World oil transit chokepoints.

Jadual 1: **KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2015)**

	Bahagian 2025 (%)	2025					2026[a]
		S1	S2	S3	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan, %					
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	96.0	5.6	6.8	6.2	6.6	6.3	5.2
Sektor swasta	77.7	5.8	6.7	6.2	6.3	6.2	5.4
Penggunaan	60.5	4.8	5.1	5.8	5.6	5.3	4.7
Pelaburan	17.2	9.1	11.7	7.4	9.2	9.4	7.8
Sektor Awam	18.3	4.9	7.5	6.2	7.5	6.6	4.4
Penggunaan	13.3	2.7	5.7	5.8	6.6	5.3	4.1
Pelaburan	5.1	11.6	13.5	7.5	9.5	10.3	5.3
Eksport Bersih	3.3	-7.9	-58.3	32.2	-32.9	-15.6	13.5
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	68.1	4.3	4.5	4.6	6.3	4.9	5.2
Import Barangan dan Perkhidmatan	64.8	5.2	7.9	3.0	9.0	6.3	4.6
KDNK Benar, perubahan tahunan %	**100.0**	**4.4**	**4.6**	**5.3**	**6.2**	**5.2**	**5.4**
KDNK, perubahan suku tahunan, terlaras secara bermusim %	-	0.9	1.9	2.0	1.4	-	-0.01

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2: **KDNK Mengikut Kegiatan Ekonomi (pada harga malar tahun 2015)**

	Bahagian 2025 (%)	2025					2026[a]
		S1	S2	S3	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan, %					
Perkhidmatan	59.5	5.1	5.1	5.3	6.2	5.4	5.6
Perkilangan	23.0	4.2	3.7	4.1	6.0	4.5	5.9
Pertanian	6.1	0.7	2.5	0.2	5.7	2.2	2.6
Perlombongan	5.7	-2.6	-5.2	9.4	1.4	0.6	-2.1
Pembinaan	4.3	14.2	12.1	11.7	10.9	12.2	7.7
KDNK Benar, perubahan tahunan %	**100.0**	**4.4**	**4.6**	**5.3**	**6.2**	**5.2**	**5.4**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3: **Imbangan Pembayaran**[1]

	2025[d]					2026[a]
	S1	S2	S3	S4	Tahun	S1
	RM bilion					
Akaun semasa	**13.8**	**2.7**	**13.5**	**2.7**	**32.8**	**15.2**
% daripada KDNK	*2.9*	*0.6*	*2.6*	*0.5*	*1.6*	*3.0*
Barangan	32.9	16.0	32.3	24.3	105.4	33.6
Perkhidmatan	-2.2	-0.5	2.7	5.3	5.3	6.4
Pendapatan primer	-15.4	-9.5	-19.3	-23.1	-67.3	-20.9
Pendapatan sekunder	-1.5	-3.2	-2.2	-3.7	-10.6	-4.0
Akaun Kewangan	**-14.1**	**-1.7**	**-9.5**	**9.4**	**-16.0**	**27.4**
Pelaburan langsung	16.5	5.9	8.6	22.5	53.5	14.7
Aset	-16.3	-7.9	-4.0	-11.0	-39.2	-17.7
Liabiliti	32.8	13.9	12.5	33.5	92.7	32.5
Pelaburan portfolio	-45.1	15.6	-28.1	-1.9	-59.4	9.1
Aset	-34.4	-22.6	-13.6	-15.9	-86.5	1.3
Liabiliti	-10.7	38.2	-14.6	14.0	27.0	7.8
Derivatif Kewangan	-1.7	1.3	-0.8	1.5	0.2	0.8
Pelaburan lain	16.2	-24.6	10.8	-12.8	-10.3	2.7
Kesilapan dan ketinggalan bersih	**3.3**	**0.01**	**-0.6**	**-11.0**	**-8.3**	**-26.2**
Imbangan keseluruhan	**3.1**	**1.0**	**3.1**	**1.2**	**8.4**	**16.4**

[d] Disemak
[a] Awalan
Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin.
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing.
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4: **Hutang Luar Negeri Terkumpul**

	2025[d]		2026[a]
	Akhir Mac	Akhir Disember	Akhir Mac
	RM bilion		
Jumlah hutang luar negeri	**1,384.2**	**1,395.5**	**1,439.7**
Bersamaan USD bilion	*312.3*	*343.6*	*356.4*
Mengikut instrumen			
Bon dan nota	154.8	152.9	153.1
Peminjaman antara bank	249.3	241.9	242.3
Pinjaman antara syarikat berkaitan	240.5	236.5	255.4
Pinjaman	92.4	95.6	97.4
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	276.8	299.4	304.3
Deposit bukan pemastautin	150.3	151.5	160.5
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas (SDR) IMF	28.4	26.9	26.5
Lain-lain[1]	191.8	190.6	200.2
Profil tempoh matang			
Jangka sederhana dan panjang	782.5	799.7	826.0
Jangka pendek	601.8	595.8	613.6
Denominasi mata wang			
Ringgit	426.4	457.6	469.2
Asing	957.8	937.9	970.5
Jumlah hutang luar negeri/KDNK, %	**70.9**	**68.9**	**70.1**
Hutang luar negeri jangka pendek/Jumlah hutang luar negeri, %	**43.5**	**42.7**	**42.6**
Rizab/Hutang luar negeri jangka pendek, kali	**0.9**	**0.9**	**0.8**

[d] Disemak
[a] Awalan
[1] Terdiri daripada kredit perdagangan dan pelbagai.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 5: **Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan**

	2025		2026	2025		2026
	S1	S4	S1	S1	S4	S1
	Akhir tempoh, RM bilion			Perubahan tahunan, %		
Jumlah Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[1]	**2901.4**	**3017.6**	**3064.1**	**5.5**	**5.3**	**5.6**
Bon korporat terkumpul[2]	603.2	633.9	638.3	5.3	6.9	5.8
Pinjaman terkumpul[3,4]	2298.2	2383.6	2425.8	5.5	4.9	5.6
Perniagaan	824.7	848.0	872.2	4.7	3.9	5.8
PKS	*418.6*	*437.9*	*443.8*	*6.2*	*5.9*	*6.0*
Bukan PKS	*403.0*	*407.3*	*425.0*	*3.4*	*2.1*	*5.5*
Isi rumah	1473.5	1535.6	1553.5	5.9	5.5	5.4
Kredit kepada perniagaan[5]	1427.9	1481.9	1510.5	5.0	5.1	5.8

[1] Mulai penerbitan Buletin Suku Tahunan S4 2022, kredit kepada sektor swasta bukan kewangan telah diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti data pembiayaan yang disalurkan untuk menjana kegiatan ekonomi dalam negeri. Data baharu ini menggantikan data pembiayaan bersih kepada sektor swasta yang digunakan sebelum ini.
[2] Termasuk kertas jangka pendek konvensional dan Islam serta bon dan sukuk jangka panjang; tidak termasuk terbitan oleh Cagamas, kerajaan, institusi kewangan dan institusi kewangan bukan bank.
[3] Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP) merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul dan tidak termasuk pinjaman kepada kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti-entiti lain.
[4] Tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas tanpa rekursa.
[5] Terdiri daripada pinjaman terkumpul kepada perniagaan dan bon korporat terkumpul.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 6: **Penunjuk Pinjaman**[1]

	2025		2026	2025		2026
	S3	S4	S1	S3	S4	S1
	Dalam tempoh, RM bilion			Perubahan tahunan , %		
Jumlah Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[2]						
Permohonan pinjaman	383.4	426.0	396.2	7.1	3.5	3.3
Kelulusan pinjaman	191.9	231.4	209.6	9.8	3.6	9.2
Pengeluaran pinjaman	512.7	544.4	523.8	2.5	-1.3	2.2
Bayaran balik pinjaman	500.8	514.4	497.1	1.4	-3.1	-0.7
Antaranya:						
Perniagaan[3]						
Permohonan pinjaman	153.2	178.3	163.2	12.5	2.4	6.5
Kelulusan pinjaman	87.8	116.0	103.1	12.0	0.8	17.5
Pengeluaran pinjaman	368.2	393.5	374.9	1.8	-3.2	1.8
Bayaran balik pinjaman	358.0	371.4	348.9	0.2	-5.6	-2.5
PKS						
Permohonan pinjaman	86.1	90.0	82.2	6.9	-5.0	-4.6
Kelulusan pinjaman	38.8	49.4	41.7	-3.4	-8.7	7.5
Pengeluaran pinjaman	139.5	147.5	132.5	9.2	-2.0	-5.0
Bayaran balik pinjaman	132.5	139.7	127.6	7.6	-2.2	-3.7
Bukan PKS						
Permohonan pinjaman	67.1	88.3	81.1	20.5	11.3	20.9
Kelulusan pinjaman	49.0	66.6	61.4	28.9	9.3	25.3
Pengeluaran pinjaman	227.4	243.4	240.4	-2.2	-4.2	5.7
Bayaran balik pinjaman	224.6	230.4	219.8	-3.6	-7.5	-2.1
Isi Rumah						
Permohonan pinjaman	230.3	247.7	233.0	3.7	4.3	1.2
Kelulusan pinjaman	104.1	115.4	106.4	8.0	6.7	2.2
Pengeluaran pinjaman	144.5	150.9	149.0	4.2	4.2	3.1
Bayaran balik pinjaman	142.8	143.0	148.3	4.7	3.9	3.8

[1] Pinjaman bagi semua segmen termasuk data sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[2] Merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul dan tidak termasuk pinjaman kepada kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti-entiti lain.
[3] Angka-angka pinjaman bagi PKS dan bukan PKS tidak semestinya terjumlah menjadi angka pinjaman perniagaan kerana perniagaan yang tidak dikelaskan mengikut saiz syarikat turut termasuk dalam kiraan.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 7: **Penunjuk Keberuntungan Sistem Perbankan**

	2025		2026[a]	2025		2026[a]
	S1	S4	S1[a]	S1	S4	S1[a]
	%			Perubahan tahunan, mata peratusan		
Pulangan atas ekuiti (berasaskan keuntungan sebelum cukai)	13.9	13.1	10.6	3.0	1.0	-3.3
Pulangan atas ekuiti[1] (berasaskan keuntungan selepas cukai)	11.0	10.2	8.0	2.8	0.9	-3.0
Pulangan atas aset[1]	1.5	1.5	1.2	0.34	0.11	-0.38
	RM juta			Perubahan tahunan, %		
Pendapatan faedah bersih	15,938	16,798	16,257	5.0	4.4	2.0
Campur: Pendapatan berasaskan fi	3,365	3,621	3,518	1.6	9.1	4.6
Tolak: Kos operasi[2]	11,444	12,200	11,692	3.5	1.1	2.2
Keuntungan operasi kasar	7,859	8,219	8,084	5.7	11.9	2.9
Campur: Peruntukan jejas nilai[3] dan lain-lain	426	239	1,051	-56.6	-60.3	146.7
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	7,433	7,890	7,033	15.2	18.3	-5.4
Campur: Pendapatan lain[1]	6,825	5,708	4,238	60.6	19.8	-37.9
Untung sebelum cukai[1]	**14,258**	**13,688**	**11,271**	**33.2**	**18.9**	**-20.9**
Untung selepas cukai[1]	**11,211**	**10,674**	**8,522**	**40.1**	**17.0**	**-24.0**

[a] Awalan
[1] Keuntungan sistem perbankan diagregat pada peringkat entiti. Mulai tahun 2019, hasil teragregat kemudiannya diselaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik (sebelum ini ditambah pada peringkat induk dan subsidiari). Pelarasan ini dicatatkan dalam bahagian "Pendapatan lain". Perbezaan angka-angka sebelum cukai secara perbandingan yang dilaporkan dalam Buletin Suku Tahun sebelum ini dianggarkan dalam julat antara 5.5% hingga 10.7%.
[2] Merujuk kos kakitangan dan overhed.
[3] Merujuk Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9).
Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 8: **Penunjuk Keberuntungan Sektor Insurans dan Takaful**

	2025		2026[a]	2025		2026[a]
	S1	S4	S1[a]	S1	S4	S1[a]
	RM juta			Perubahan tahunan, %[2]		
Insurans Hayat & Takaful Keluarga						
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan[1]	1,392	734	1,617	-74.3	-28.7	16.1
Insurans Am & Takaful Am						
Keuntungan Operasi	787	909	756	-10.0	-13.7	-4.0
Nisbah tuntutan (%)	59	55	59	3.0	-2.0	0.2

[a] Awalan
[1] Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan tidak termasuk dana unit insurans berkaitan pelaburan bagi mencerminkan prestasi teras keberuntungan penanggung insurans dan pengendali takaful dengan lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.
[2] Merujuk mata peratusan bagi perubahan tahunan nisbah tuntutan.
Sumber: Bank Negara Malaysia